

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB Dato' Mansor bin Othman**  
**[ NIBONG TEBAL ]**  
**TARIKH : 27 OKTOBER 2015**

**YB Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Kemajuan Laporan Audit Negara dan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan Kerajaan bagi tujuan menyiasat kedudukan kewangan syarikat 1MDB yang sarat dengan masalah hutang dan bilakah Kerajaan bercadang membentangkan laporan-laporan tersebut di Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Audit Negara sedang giat menjalankan pengauditan terhadap 1MDB. Laporan Interim pengauditan tersebut telah dibentangkan kepada PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara) pada 9 Julai 2015 yang lalu. Laporan penuh pengauditan dijangka dapat disiapkan dan dikemukakan kepada PAC sebelum 31 Disember 2015

Sekian. Terima kasih.